

## Kabinet bentuk pasukan khas jihad tangani inflasi

Oleh Wartawan BH - Jun 29, 2022 @ 5:23pm  
bhnews@bh.com.my



Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Bin Haji Omar mengiringi Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Ismail Sabri Bin Yaakob untuk memeriksa harga makanan keperluan asas di NSK Quill City Mall, baru-baru ini

KUALA LUMPUR: Jemaah Menteri hari ini bersetuju menubuhkan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi, bagi membantu Keluarga Malaysia menghadapi cabaran peningkatan kos sara hidup, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, pasukan khas yang dipengerusikan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa, berperanan mengumpulkan semua maklumat daripada kementerian, agensi dan orang ramai bagi merangka strategi serta mengkoordinasi tindakan menyelesaikan isu-isu berkaitan inflasi khususnya mengawal kenaikan harga barang dengan lebih efisien dan berkesan.

"Pasukan khas ini akan berfungsi sebagaimana pasukan menguruskan pandemik COVID-19, dengan mengadakan mesyuarat sebanyak dua kali seminggu iaitu pada Isnin dan Khamis.

"Sidang media akan diadakan selepas setiap mesyuarat berlangsung bagi memberi penjelasan kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Keluarga Malaysia.

"Langkah ini diambil ekoran cabaran peningkatan kos sara hidup akibat daripada perubahan iklim dan ketidakpastian geopolitik termasuk konflik antara Russia-Ukraine yang dijangka berlarutan sehingga memberi kesan kepada pasaran komoditi makanan serta bahan api," katanya dalam kenyataan media selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet hari ini.

Perdana Menteri berkata, pasukan khas itu juga dianggotai Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

Katanya, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, turut berada dalam pasukan khas terbabit.

"Pegawai khusus di setiap kementerian akan dilantik sebagai pegawai rujukan (focal point) untuk memberi maklum balas segera kepada Pasukan Khas yang diuruskan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

"Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan Keluarga Malaysia tidak terkesan dengan serius akibat daripada kenaikan inflasi di seluruh dunia," katanya.